

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : FINANCIAL MANAGEMENT AND ELECTRONIC GOVERNMENT
Lokasi : INTAN, BUKIT KIARA
Tarikh : 02-10-1997

PENGENALAN 1. Syukur Alhamdulillah, dapat kita bertemu sekali lagi pada hari ini untuk sama-sama membincangkan dua perkara penting iaitu pengurusan kewangan dan Kerajaan Elektronik. Perbincangan mengenai kedua-dua bidang utama ini amat bertepatan dengan fokus kita dalam mensejajarkan kemajuan Perkhidmatan Awam dengan perkembangan semasa supaya dapat memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada pembangunan negara keseluruhannya.

2. Seorang bekas P.M. Britain, William E. Gladstone pernah menulis dalam satu makalah pada tahun 1858 bahawa 'Finance is, as it were, the stomach of the country, from which all other organs take their tone'. Ungkapan ini dibuat 140 tahun yang lalu, namun masih relevan hingga ke hari ini.

LATARBELAKANG 3. Ketika mula memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha Negara, salah satu amanah besar yang telah diberi kepada saya ialah menentukan pengurusan kewangan sentiasa dikendalikan dengan cekap dan berkesan.

Keprihatinan pucuk pimpinan kita kepada perkara ini tidaklah menghairankan kerana keutuhan sesebuah Kerajaan diukur melalui kecekapan pentadbiran Kerajaan menguruskan wang awam dan menentukan komitmennya dalam menjamin akauntabiliti pada tahap yang paling tinggi. Dengan itu adalah menjadi tanggungjawab Perkhidmatan Awam menggunakan wang awam ini secara berhemat dan cermat serta menentukan setiap akaun mengenainya disenggara dengan sempurna mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

USAHA MASAKINI MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN KEWANGAN 4. Dalam zaman di mana perubahan dan pembaharuan menjadi ciri penting dalam pengurusan, sistem pengurusan kewangan Kerajaan tidak terlepas daripada tuntutan tersebut. Matlamatnya ialah untuk meningkatkan keberkesanan sistem bagi memenuhi kehendak semasa.

Perkembangan teknologi yang pantas dan cara bekerja yang semakin kompleks mempunyai impak ke atas amalan pengurusan semasa. Ini memerlukan Perkhidmatan Awam membuat perubahan sekiranya tidak mahu ketinggalan.

5. Langkah-langkah untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan sememangnya merupakan satu inisiatif penting dalam usaha pembaharuan Perkhidmatan Awam. Perhatian yang berterusan diberi kepada penggunaan sistem dan kaedah baru yang lebih baik dan canggih, sesuai dengan perkembangan semasa.

Perancangan yang teliti dan pelaksanaan yang diawasi dengan rapi menentukan bahawa program pembaharuan dalam bidang pengurusan kewangan dapat dimanfaatkan oleh kumpulan sasaran, iaitu kita pegawai Kerajaan. Fokus utama ialah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur kewangan yang kukuh, meningkatkan kesedaran kos, melicinkan aliran maklumat, mempercepatkan penyediaan penyata akaun, meningkatkan akauntabiliti Pegawai Pengawal dan lain-lain lagi. Dalam hal ini, penggunaan teknologi maklumat telah diberi keutamaan dalam merangka program-program pembaharuan.

Menyediakan Kemudahan Infrastruktur Kewangan

6. Usaha untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan kewangan telah bermula sejak tahun tujuh puluhan lagi, apabila Kerajaan buat pertama kali membekalkan peralatan komputer dan lain-lain kemudahan infrastruktur kepada Jabatan Akauntan Negara. Kemudahan ini dipertingkatkan dari semasa ke semasa selaras dengan keperluan sistem pengurusan kewangan yang diperkenalkan.

Selanjutnya penyediaan kemudahan peralatan komputer diperluaskan penggunaannya kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Dalam pada itu, usaha-usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan

kemahiran dalam bidang komputer juga diberi perhatian sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat.

Meningkatkan Kesedaran Kos

7. Untuk memastikan peruntukan yang diberikan kepada jabatan-jabatan Kerajaan dibelanjakan secara optimum, Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Belanjawan Yang Diubahsuai atau Modified Budgeting System (MBS) pada tahun 1990. Melalui sistem ini maklumat mengenai kos perlu disediakan di bawah perjanjian-perjanjian program. Pihak pengurusan dipertanggungjawabkan untuk mencapai sasaran yang telah dipersetujui bagi setiap program. Manakala Kerajaan pula mempunyai asas yang lebih baik untuk menentukan pengagihan peruntukan kepada jabatan-jabatan yang memohon.

8. Seterusnya bagi meningkatkan kesedaran kos di kalangan ketua-ketua jabatan, pada tahun 1993 Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Perakaunan Mikro (SPM). Ia bertujuan meningkatkan akauntabiliti pegawai pengawal dan memperkukuhkan sistem perakaunan pengurusan di peringkat jabatan. Sistem ini dapat membantu perancangan dengan menyediakan maklumat kos setiap program, aktiviti dan output yang menjadi asas kepada pengagihan sumber yang terhad. SPM didapati telah dapat membantu dalam pengawalan kos dengan membuat perbandingan antara kos yang dirancang dengan kos sebenar dan mengetahui arah aliran perubahan kos output. Maklumat yang dijana melalui sistem ini telah dijadikan asas bagi pengukuran produktiviti sesebuah jabatan dan merupakan maklumat penting dalam proses membuat keputusan. Misalnya, Jabatan Perhilitan melalui SPM telah berjaya menentukan kos menangkap dan memindahkan gajah yang lebih murah, iaitu dengan menggunakan tranquiliser berbanding dengan menggunakan tali.

Melicinkan Aliran Maklumat

9. Keberkesanan sistem maklumat pengurusan kewangan dalam sesebuah institusi banyak bergantung kepada kelicinan pengaliran maklumat kewangannya. Bagi memastikan maklumat bersabit kewangan di semua cawangan Jabatan Akauntan Negara dapat disalurkan ke ibu pejabat dengan baik, Jabatan Akauntan Negara telah mewujudkan Accountant General's Department Communication Network System (AGNET) pada tahun 1993. Melalui AGNET, kesemua 25 cawangan Jabatan Akauntan Negara telah dirangkaikan dan membolehkan kesemua akaun di cawangan JAN ditutup dan diperkemaskinikan setiap hari. Laporan yang diperlukan oleh pengurus kewangan dapat disediakan dengan lebih cepat dan tepat.

Mempercepat Penyediaan Penyata Akaun

10. Usaha untuk memastikan sistem pengurusan kewangan Kerajaan berada di tahap yang dapat menggalakkan pembangunan terus menjadi tumpuan. Fokus seterusnya pula diberi kepada badan-badan berkanun. Untuk tujuan meningkatkan lagi prestasi pengurusan kewangan badan-badan berkanun, Kerajaan telah mengarahkan agar satu sistem perakaunan yang standard dibangunkan khas untuk badan-badan berkanun. Tujuannya adalah untuk membolehkan badan-badan berkanun menutup akaunnya setiap hari. Bagi memenuhi arahan tersebut, Kerajaan dengan kerjasama sebuah syarikat swasta telah membangunkan Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA). Pelaksanaan sistem ini memerlukan Akauntan badan-badan berkanun bertindak secara langsung sebagai pengurus kewangan yang dapat membuat keputusan berasaskan maklumat yang terkini bagi memaksimumkan pulangan sumber-sumber kewangan agensi. Memandangkan SAGA telah memberi kesan yang memuaskan, maka satu pendekatan yang sama akan digunakan bagi Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi di bawahnya untuk memenuhi keperluan akauntabiliti yang semakin meningkat.

Tuan-tuan dan puan-puan, KELEMAHAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG BERULANG

11. Langkah-langkah yang disebutkan tadi merupakan sebahagian daripada usaha yang sedang di laksanakan dan banyak lagi yang tidak disebut oleh saya. Apa yang jelas ialah bahawa Kerajaan ingin memastikan sumber yang semakin terhad digunakan dengan sebaik-baiknya. Yang terpenting ialah peranan yang perlu dimainkan oleh Pegawai Pengawal yang telah dipertanggungjawabkan oleh Arahan

Perbendaharaan, Bab B - Acara Perakaunan (Perkara 53), A...bagi melaksanakan dengan sepenuhnya kewajipan kewangan jabatan atau pejabat mereka, bagi memungut dengan sepatutnya segala wang awam yang patut diterima oleh mereka atau di bawah arahan mereka, bagi menyimpan dengan selamatnya wang awam itu dan juga bagi apa-apa yang tidak betul dalam akaun yang dikemukakan oleh mereka atau di bawah kuasa mereka....Seorang pegawai tidaklah melepaskan dirinya daripada tanggungjawab amnya dengan mewakilkan pelaksanaan kewajibannya kepada pegawai di bawahnya@. Dengan itu, pengawasan yang rapi dan teratur perlu dilakukan bukan oleh Bahagian-bahagian Kewangan, malah oleh pucuk pimpinan setiap pejabat dan agensi Kerajaan. Mekanisme pengawasan ini telah pun ditetapkan dengan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di setiap pejabat Kerajaan. Apa yang perlu menjadi perhatian kita semua ialah keberkesannya dalam menangani kelemahan dalam pengurusan kewangan di jabatan/agensi Kerajaan yang menjadi tumpuan Laporan Ketua Audit Negara tahun demi tahun.

12. Berjayanya sesuatu usaha pembaharuan dapat dinilai apabila berkurangnya masalah yang cuba diatasi. Namun dalam bidang pengurusan kewangan, kelemahan yang telah dikenalpasti beberapa tahun kebelakangan dilaporkan sering berulang. Ini memberi gambaran bahawa usaha-usaha reformasi yang telah diperkenalkan kurang memberi kesan. Kelemahan masih berlaku dalam pengurusan dan kawalan belanjawan, pengurusan aset dan stor, pengurusan projek pembangunan, pungutan dan tunggakan hasil serta pengurusan kontrak dan perolehan Kerajaan. Di manakah silapnya? Adakah keadaan ini disebabkan oleh kelemahan sistem yang wujud atau kecuaiannya dan sikap anggota-anggota Kerajaan sendiri? Teguran Ketua Audit Negara ini merupakan kayu ukur bagi kita semua, terutamanya ketua-ketua jabatan. Kita seharusnya bergegas mengkaji dan menilai organisasi kita dan seterusnya mengatur tindakan yang betul-betul akan menyelesaikan masalah dan mengatasi kelemahan yang telah dikenalpasti. Setiap tindakan walaupun kecil, yang tepat sarannya, akan menghasilkan perubahan yang bermakna. Seperti pepatah Melayu Asikit- sikit, lama-lama jadi bukit@.

KERAJAAN ELEKTRONIK DAN PENGURUSAN KEWANGAN

13. Di sini, ingin saya menarik perhatian para hadirin kepada perkara kedua yang menjadi fokus seminar kita hari ini, iaitu pelaksanaan Kerajaan Elektronik atau Electronic Government. Kerajaan telah memperkenalkan Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (MSC) bagi memperolehi faedah daripada ledakan dan perkembangan teknologi maklumat dan multimedia. Ia bertujuan untuk membantu melunakkan pencapaian negara ke arah Wawasan 2020. Bagi merealisasikan MSC, Kerajaan telah menetapkan tujuh aplikasi perdana untuk dilaksanakan dan salah satu daripadanya ialah Electronic Government. Matlamat utama Electronic Government ialah untuk merubah corak perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan dengan mempelopori paradigma baru melalui penggunaan teknologi maklumat dan multimedia bagi meningkatkan prestasi agensi-agensi Kerajaan. Ia bukan sahaja bertujuan untuk mengkomputerisasikan proses-proses Kerajaan bahkan akan merubah cara bekerja. Perubahan yang akan berlaku adalah dalam halacara pemberian perkhidmatan kepada orang awam, proses serta prosedur Kerajaan. Matlamatnya ialah melahirkan Perkhidmatan Awam yang lebih cekap dan yang boleh berinteraksi secara berkualiti dengan pelanggannya.

14. Di bawah Electronic Government, berbagai aplikasi telah dikenalpasti yang dipercayai akan dapat mempertingkatkan tahap perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai. Perubahan yang ketara akan berlaku dalam saluran perkhidmatan kepada orang ramai yang bukan lagi ditawarkan melalui kaunter-kaunter tradisional, malah akan dapat diperolehi melalui kiosk, interactive TV, talifon, fax dan komputer peribadi. Di samping itu, penambahbaikan dalam proses dan sistem kerja akan berlaku dan ini akan meningkatkan kecekapan anggota Kerajaan, hasil daripada perhubungan atau connectivity di kalangan anggota dan pejabat-pejabat Kerajaan melalui penggunaan teknologi multimedia dan teknologi maklumat yang terkini.

15. Bagi merealisasikan matlamat Electronic Government tersebut, sebanyak lima projek printis akan dilaksanakan dan pada masa ini, lima dokumen tender atau Concept Request For Proposal telah dilancarkan. Projek tersebut apabila dilaksanakan akan membantu memperkukuhkan pengurusan kewangan di jabatan-jabatan perintis. Sebagai contoh, projek Electronic Procurement akan membolehkan Kerajaan melakukan perolehan, sama ada melalui kontrak pusat, pembelian terus, sebutharga atau

tender, secara on- line yang akan menghubungkan pembekal dan pembeli. Dengan cara ini, Kerajaan menjadi smart buyer dan memperolehi barangan atau perkhidmatan yang lebih baik dengan harga yang lebih competitive. Lain-lain faedah termasuk proses pemilihan yang lebih cepat penjimatan dalam kos penghantaran serta memudahkan perancangan dari segi permintaan/penawaran dan peruntukan kewangan.

16. Selain itu, projek Project Monitoring System akan menyediakan perkhidmatan antara agensi yang melibatkan pengemaskinian dan pertukaran maklumat secara elektronik. Sistem ini membolehkan Kerajaan membuat pemantauan ke atas kemajuan pelaksanaan projek terutama dari aspek perbelanjaan supaya tidak berlaku pembaziran, di samping memastikannya projek pembangunan dilaksanakan mengikut jadual dan dalam lingkungan peruntukan yang ditetapkan.

17. Pelaksanaan projek Generic Office Environment akan memberi faedah sampingan di dalam usaha mempertingkatkan pengurusan kewangan di jabatan Kerajaan yang terbabit. Ini kerana projek ini akan membangunkan infrastruktur asas pengurusan pejabat yang akan memudahkan pembangunan sistem-sistem aplikasi termasuk sistem kewangan. Sementara itu salah satu komponen dalam projek Human Resource Management Information System ialah aplikasi payroll and benefits claim yang bertujuan untuk mempercepat proses pembayaran gaji dan segala potongan gaji seperti caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Manakala projek berkaitan dengan aplikasi lesen memandu pula dapat melicinkan proses pungutan hasil dan pembayaran kompaun yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

18. Projek-projek di bawah aplikasi perdana Electronic Government yang telah saya huraikan sebentar tadi dapat diperkenalkan memandangkan teknologi masakini dalam bidang teknologi maklumat dan multimedia telah mencapai satu tahap di mana ianya dapat digembling untuk menyediakan satu kaedah baru bagi Perkhidmatan Awam menyempurnakan tugas-tugasnya. Boleh dikatakan bahawa samada secara langsung atau tidak langsung, projek-projek ini mempunyai impak ke atas pengurusan kewangan dan akan dapat menyelesaikan beberapa masalah yang masih kita hadapi. Setelah lima projek printis ini berjaya dilaksanakan, beberapa projek khusus bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan akan dilancarkan di dalam fasa kedua dan seterusnya termasuk perakaunan, belanjawan, perancangan pembangunan dan pengurusan inventori bersepadu.

19. Namun demikian, sepertimana kita sedia maklum kejayaan usaha-usaha reformasi adalah bergantung sebahagian besarnya kepada komitmen anggota-anggota untuk menerima dan melaksanakan pembaharuan yang diperkenalkan. Dalam hal ini, anggota-anggota boleh dilatih bagi melengkap mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan. Yang lebih penting ialah memupuk sikap bersedia menerima perubahan dan menolak segala perasaan negatif terhadap apa-apa perkara baru yang diperkenalkan.

Dengan ini anggota-anggota Perkhidmatan Awam perlu peka kepada segala perubahan dipersekitaran, berdedikasi dalam melaksanakan pembaharuan apabila diperkenalkan dan mempertahankan tahap akauntabiliti yang setingginya.

PENUTUP Tuan-tuan dan puan-puan

20. Saya mengucapkan tahniah kepada INTAN yang telah mengambil daya usaha menganjurkan seminar ini. Antara lain tujuannya ialah untuk meningkatkan penghayatan dan pendedahan kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan tentang penerapan teknologi maklumat serta perubahan-perubahan dalam sistem pengurusan kewangan Kerajaan selaras dengan pelaksanaan Electronic Government. Saya percaya dengan kehadiran Mr. Patrick Barret bersama-sama kita hari ini, kita dapat mempelajari pengalaman Australia menggunakan teknologi maklumat dalam pengurusan kewangan.

21. Saya sangat-sangat berharap agar usaha kita untuk memastikan sistem pengurusan kewangan Kerajaan terus berada di tahap yang dapat kita banggakan. Ini kerana ia merupakan back bone kepada prestasi pengurusan Kerajaan.

Kegagalan kita dalam melaksanakan Electronic Government terutamanya yang berkaitan dengan sistem pengurusan kewangan boleh menjejaskan usaha dan pencapaian matlamat Kerajaan keseluruhannya.

22. Akhir kata, peluang yang ada pada hari ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya, supaya aspirasi Kerajaan dan rakyat Malaysia untuk menjadikan negara ini negara maju yang berteraskan maklumat dengan menggunakan teknologi multimedia, akan menjadi kenyataan. Insha=Allah.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Financial Management and Electronic Government.